



PENDIDIKAN

ARKIB : 05/06/2003

Wan Chik Rahmah - Pengarah wanita pertama IAB bersara

PENGARAH wanita pertama Institut Aminuddin Baki (IAB), Kementerian Pendidikan, Datuk Dr. Wan Chik Rahmah Wan Din, 56, bersara wajib daripada perkhidmatan awam baru-baru ini setelah menabur bakti selama 32 tahun dalam kerjaya keguruan.

Kerjaya Dr. Wan Chik Rahmah dalam bidang ini bermula apabila beliau menjawat jawatan guru di Sekolah Menengah Clifford, Kuala Kangsar, Perak dari tahun 1971 hingga 1976.

Beliau kemudiannya menjadi pengetua di beberapa buah sekolah menengah dan maktab perguruan dan kemudiannya dilantik menjadi Ketua Penolong Pengarah dan Timbalan Pengarah Sektor Perancangan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan.

Beliau dilantik ke jawatan Pengarah IAB keenam pada bulan September 2000 sehingga Mei 2003.

Beliau yang dilahirkan di Kuala Kangsar, Perak, ialah anak bongsu daripada 15 bersaudara.

Sebagai seorang yang begitu berpengalaman dalam dunia pendidikan, Dr. Wan Chik Rahmah berpendapat Malaysia mempunyai sistem pendidikan yang baik.

Bagaimanapun jelas beliau, kekurangan kita adalah dari aspek pelaksanaannya.

``Contohnya, sebilangan guru ketika menyampaikan pelajaran, mereka tidak membentuk kemahiran-kemahiran yang sepatutnya ada pada murid," katanya dalam temu ramah sempena persaraannya di Genting Highlands, Pahang, baru-baru ini.

Sementara itu, beliau yang pernah mendapat pendidikan di Amerika Syarikat berpendapat, ada beberapa aspek positif yang boleh dipelajari daripada sistem pendidikan negara itu.

Sistem negara itu katanya, telah melahirkan pelajar yang yakin pada diri sendiri.

Apabila ada keyakinan, mereka tidak malu menyoal orang lain, katanya.

``Pelajar-pelajar Malaysia pula mempunyai pengetahuan yang tinggi tetapi tidak pandai menyoal," katanya.

Perkara ini jelasnya berlaku kerana sistem pendidikan kita yang menggunakan pendekatan pembelajaran secara menghafal.

Malah katanya, pelajar-pelajar negara ini juga menerima tanpa soal apa yang mereka baca.

``Apabila membaca sesuatu, mereka menganggap itu benar, tanpa mempersoalkannya.

``Kebaikan pendidikan di Amerika atau negara-negara Barat adalah murid-murid tidak menerima seratus peratus pengajaran guru-guru; mereka akan menyoal semula," katanya.

Selain itu, katanya, murid-murid di Amerika Syarikat juga diajar kemahiran mengkritik.

Bagaimanapun beliau tidak menafikan, sistem pendidikan di negara itu mempunyai banyak yang negatif seperti terlalu mementingkan kebebasan individu.

``Ibu bapa murid boleh menyaman guru atas alasan tidak menghormati hak asasi manusia," katanya.

Mengenai rancangannya selepas bersara, Dr. Wan Chik Rahmah yang begitu mengagumi kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau mungkin akan kembali mengajar secara separuh masa.

Sempena persaraannya, Dr. Wan Chik Rahmah mengucapkan terima kasih kepada semua staf IAB yang memberikan kerjasama padu kepadanya untuk menjayakan program, kursus dan aktiviti hampir tiga tahun beliau menjadi Pengarah IAB -

GHULAM SARVER MOBARAK ALI

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0605&pub=utusan_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_03.htm#ixzz2vEiCiGUo

© Utusan Melayu (M) Bhd